

CNS5994

R EB 09-10 00197 BA317

nab

MESYUARAT MENTERI KEWANGAN KOMANWEL BERMULA

MKK - Mesyuarat

I

KUALA LUMPUR, 9 Okt (Bernama) -- Para Menteri, Kewangan Komanwel hari ini mula bermesyuarat di sini bagi mengkaji keadaan ekonomi dunia dan membincangkan isu-isu yang mungkin dibangkitkan 'dada mesyuarat Bank Dunia-Tabung Mata Wang Antarabangsa di samping mengkaji fungsi Sekretariat Komanwel..

Pada mesyuarat itu, yang dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, perbincangan akan tertumpu kepada perubahan ekonomi dan politik antarabangsa. Dalam konteks ini, para menteri akan mengkaji laporan Kumpulan Pakar Komanwel.

Para pegawai kanan yang bermesyuarat semalam untuk menyediakan agenda mesyuarat peringkat menteri berpuas hati kerana laporan itu mencakupi pelbagai perkara. Laporan itu juga mengemukakan beberapa syor untuk dipraktikkan oleh negara-negara membangun dalam Komanwel bagi mencapai kemajuan ekonomi.

Syor-syor itu, antara lain, menggesa supaya dikurangkan defisit belanjawan, dilaksanakan pembaharuan sistem cukai dan dikaji semula peranan sektor swasta dalam pembangunan ekonomi.

Mesyuarat itu, yang akan dipengerusikan oleh Menteri Kewangan Malaysia Datuk Seri Anwar Ibrahim akan membincangkan soal penswastaaan Yang baru dimulakan oleh kebanyakan negara Komanwel sebagai sebahagian daripada program penyesuaian ekonomi. Pengalaman Malaysia dalam bidang ini mungkin menjadi fokus perbincangan.-- Lagi.

▼09/10/11-07MST

CNS5998

R EB 09-10 00097 BA318

aab

MKK - Mesyuarat 2 Kuala Lumpur

Mereka juga dijangka membincangkan betapa perlunya penyelesaian segera yang berjaya bagi perundingan perdagangan pelbagai hala Pusingan Uruguay di bawah naungan Perjanjian Am mengenai Tarif dan Perdagangan (GATT).

Perbincangan mereka akan juga menyentuh keperluan ditingkatkan komitmen Bank Dunia dalam dekad 90-an dan keperluan diteruskan tumpuan yang berorientasikan wanita dalam kegiatan bank itu.

Dalam mengkaji kegiatan kerjasama Sekretariat Komanwel, para menteri itu akan berbicara mengenai pelbagai isu termasuk program yang dirangka bagi membantu pembentukan dasar makro-ekonomi dan pengurusan hutang.-- Bernama.

▼09/10/11-15MST